



PENGENALAN UTM

Universiti Teknologi Malaysia adalah salah sebuah daripada 20 buah Universiti awam yang terdapat di Malaysia. Kampus utama Universiti ini terletak di bahagian selatan Semenanjung Malaysia, iaitu di Skudai, Johor. Jaraknya dengan Bandaraya Johor Bahru ialah 18 km, manakala, jaraknya dengan Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai, Johor ialah 14 km. Kampus asal Universiti di Bandaraya Kuala Lumpur dikekalkan dan dijadikan kampus cawangan.

Universiti Teknologi Malaysia ditubuhkan pada 14 Mac 1972 dengan nama Institut Teknologi Kebangsaan. Pada 1 April 1975, nama Institut Kebangsaan telah ditukar kepada Universiti Teknologi Malaysia.

Universiti Teknologi Malaysia merupakan pusat pendidikan teknologi yang unik dan terbesar di negara ini kerana disinilah terkumpulnya lebih 1,000 orang ahli sains dan teknologi yang berkhidmat sebagai pensyarah terlibat dengan kerja pendidikan, penyelidikan, perundingan, penerbitan serta lebih 20,000 pelajar mengikut pengajian di pelbagai bidang sains dan teknologi.

Kini, Universiti Teknologi Malaysia mempunyai dua (2) buah kampus iaitu kampus induk Universiti di Skudai, Johor seluas 1,777 hektar dan di *International Campus*, Jalan Semarak, Kuala Lumpur seluas 18 hektar.

Fasa pembinaan kampus baru telah siap pada pertengahan tahun 1985. Mulai Sesi 1988/89, semua pelajar tahun pertama telah ditempatkan di Kampus Skudai. Serentak dengan itu juga, Fakulti Sains dan Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia juga sebahagian daripada kakitangan pentadbiran dan fakulti lain mula beroperasi sepenuhnya di Kampus Skudai. Sementara itu, dua (2) buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam dan Fakulti Kejuruteraan Jentara telah berpindah ke Kampus Skudai mulai Sesi 1989/90. Mulai Sesi 1989/90, Kampus Skudai telah menjadi kampus induk untuk Universiti sementara Kampus di Kuala Lumpur menjadi kampus cawangan.

Universiti Teknologi Malaysia kini mempunyai 12 fakulti, beberapa pusat kecemerlangan, pusat penyelidikan, institut dan biro serta unit yang menawarkan pelbagai kursus dan perkhidmatan serta sebuah sekretariat penterjemahan berkomputer di Kuala Lumpur. Universiti ini menawarkan pelbagai bidang kursus di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Diploma Lepas Ijazah, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D).

Senarai fakulti/pusat pengajian yang terdapat di Universiti Teknologi Malaysia adalah seperti berikut:

1. Fakulti Alam Bina
2. Fakulti Biosains & Biokejuruteraan
3. Fakulti Kejuruteraan Awam
4. Fakulti Kejuruteraan Bio-Perubatan & Sains Kesihatan
5. Fakulti Kejuruteraan Elektrik
6. Fakulti Kejuruteraan Kimia
7. Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
8. Fakulti Geoinformasi & Harta Tanah
9. Fakulti Pendidikan
10. Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia
11. Fakulti Sains
12. Fakulti Sains Komputer & Sistem Maklumat
13. Fakulti Tamadun Islam
14. Akademi Bahasa
15. UTM Razak School of Engineering & Advanced Technology
16. Fakulti Kejuruteraan Petroleum & Kejuruteraan Tenaga Diperbaharui
17. Pusat Pengajian Diploma, *UTMSPACE*

SEJARAH PENUBUHAN UTM

TARIKH	PERISTIWA
Tahun 1904	UTM bermula sebagai sebuah kelas pengajian teknik di bangunan Dewan Bandaran Kuala Lumpur.
Tahun 1906	Kelas teknik ini telah dijadikan Sekolah Teknik, bertempat di Sekolah Melayu Batu Lane dan kemudian berpindah ke bangunan Muzium di Bukit Nanas.
Tahun 1925	Jabatan Kerja Raya telah membuka Sekolah Teknik di Jalan Brickfield (Jalan Tun Sambathan), Kuala Lumpur.
Tahun 1946	Sekolah Teknik dinaikkan tarafnya dan dikenali dengan nama Maktab Teknik. Maktab Teknik menawarkan kursus peringkat Diploma dalam bidang Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Jentera dan Kejuruteraan Elektrik, Senibina, Perancangan Bandar & Kampung, Ukur Tanah dan Ukur Bahan.
Tahun 1951	Pembinaan Maktab Teknik yang baru di Jalan Gurney (Jalan Semarak, Kuala Lumpur).
Tahun 1955	Maktab Teknik Jalan Semarak, Kuala Lumpur mula beroperasi.
Tahun 1960	Maktab Teknik mengendalikan kursus kejuruteraan di peringkat ikhtisas. Peperiksaan ikhtisas dianjurkan oleh Institution of Civil Engineers, Institution of Mechanical Engineers, Institution of Electrical Engineers United Kingdom.
Tahun 1967	Jawatankuasa Perancang Pelajaran Tinggi telah memperakukan supaya Maktab Teknik dijadikan sebuah Institut Teknologi yang bertaraf Universiti mulai dari tahun 1969.
14 Mac 1972	Maktab Teknik dijadikan sebagai sebuah institusi dengan nama Institut Teknologi Kebangsaan.
1 April 1975	Nama Institut Teknologi Kebangsaan telah ditukar kepada Universiti Teknologi Malaysia.

TAFSIRAN LOGO UTM



Tafsiran

Berasaskan kepada matlamat Universiti, suatu lambang telah dicipta. Warna lambang itu ialah warna rasmi Universiti iaitu merah pulasan dan warna emas. Merah pulasan ialah warna buah pulasan yang masak, warna sejenis buah asli di Nusantara. Biasanya buah ini didapati di perkampungan orang Melayu. Oleh yang demikian, warna merah pulasan adalah melambangkan kemelayuan dan kematangan yang merupakan ciri asal negara. Maka, ini bererti dengan berlatarbelakangkan warna merah pulasan, lambang itu menunjukkan bahawa Universiti ini juga mempunyai ciri asasi yang sama dengan negara. Warna emas itu pula melambangkan mutu dan nilai yang tinggi lagi mulia.

Dari segi bentuknya pula, lambang Universiti Teknologi Malaysia adalah terdiri daripada dua (2) bentuk asas, iaitu sebuah buku terbuka di bahagian atas dan sebuah bulatan di bahagian bawah. Buku dari bulatan itu kedua-duanya berwarna emas. Di bawah bulatan ini terdapat pula bentuk bulan sabit dan juga bentuk kelalang, sejenis alat sains, kedua-duanya berwarna merah pulasan. Semua ini dilingkungi oleh bulatan nama dan cogankata Universiti.

Kedudukan buku terbuka atas bulatan menunjukkan bahawa pentadbiran alam ini adalah menurut hukum-hukum yang tercatat di dalam Al-Quran. Keadaan bulan sabit yang melingkungi kelalang menunjukkan bahawa kegiatan sains dan teknologi di Universiti ini adalah berlaku dalam suasana keislaman. Kedudukan kelalang tepat di bawah buku emas yang terbuka itu pula menunjukkan bahawa kegiatan sains dan teknologi di Universiti ini adalah berlaku dalam suasana keislaman. Kedudukan kelalang tepat di bawah buku emas yang terbuka itu pula menunjukkan bahawa teknologi yang diusahakan oleh manusia adalah hasil titisan ilmu yang berpunca dariapda buku emas iaitu Kitab Suci Al-Quran, sumber ilmu pengetahuan.

FALSAFAH UNIVERSITI

Hukum Allah adalah berdasarkan kepada sains dan teknologi. Maka, Universiti Teknologi Malaysia berusaha secara menyeluruh dan bersepadu memperkembangkan kecemerlangan sains dan teknologi untuk kesejahteraan dan kemakmuran sejagat sesuai dengan kehendakNya.

VISI UNIVERSITI

Menjadi pusat kecemerlangan akademik dan teknologi bertaraf dunia menerusi kreativiti.

MISI UNIVERSITI

Menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi yang kreatif sejajar dengan aspirasi negara.

COGANKATA UNIVERSITI

KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA

